

Penaiktarafan Kedua-duanya

NURUL AMIRA DIANA BINTI ZOLKIFFLI

Pada tanggal 18 Mei hari Sabtu, saya telah menyertai lawatan sambil belajar bagi kelas Keperihalan Jepun sebagai ahli Kumpulan C dan kami telah melawat Stesen Kereta Api Wakayama-Shi dan JR Wakayama serta kawasan sekitarnya. Melalui lawatan ini, saya dapat mendalami pengetahuan tentang kemudahan yang terdapat di kedua-dua stesen ini dan perkara-perkara yang boleh dilakukan berdekatan dengannya.

Persamaan antara kedua-dua stesen ini ialah terdapat restoran, kedai 24 jam, bank, supermarket, stesen bas dan teksi, kedai cenderamata dan kawasan membeli-belah di kawasan sekitar. Jika dibandingkan, Stesen Kereta Api JR Wakayama mempunyai lebih banyak kemudahan-kemudahan ini. Namun begitu, tiada pelanggan dapat dilihat di kawasan ini dan di sekitar kawasan kedua-dua stesen kereta api ini. Setelah berbincang dengan kumpulan, kami berpendapat bahawa golongan muda di Wakayama lebih gemar berhibur di Namba dan sekitar Osaka. Papan tanda yang tidak mempunyai terjemahan Bahasa Inggeris di dalam kawasan stesen kereta api juga menyulitkan para pelancong asing. Oleh itu, kami telah berbincang cara-cara untuk menaik taraf kawasan kedua-dua stesen kereta api ini.

Pertama sekali, setiap papan tanda yang terdapat dalam kawasan stesen kereta api perlu diletakkan terjemahan Bahasa Inggeris. Di kawasan hadapan stesen kereta api pula, perlu diletakkan papan tanda yang mengandungi maklumat tentang kawasan pelancongan berdekatan, cara-cara untuk pergi dan masa dan wang yang diperlukan untuk pergi ke sana. Hal ini bukan sahaja untuk kebaikan pelancong asing, bahkan untuk pelancong tempatan. Seterusnya, pokok-pokok, tambak bunga dan air terjun perlu ditambah, dan taman yang menguatkan keindahan empat musim perlu dibina di kawasan sekitar stesen kereta api. Hal ini disebabkan perkara yang berkaitan dengan alam semula jadi dapat menenangkan hati manusia. Tambahan pula, dengan adanya taman ini, status Wakayama sebagai negeri yang mempunyai banyak alam semula jadi akan diperkuatkan. Akhir sekali ialah penaiktarafan kawasan membeli-belah. Sejujurnya saya jarang pergi ke kawasan membeli-belah, tetapi imej kawasan ini bagi saya ialah terdapat banyak kedai untuk golongan muda, restoran dan tempat hiburan. Oleh itu, saya berpendapat bahawa setiap kawasan membeli-belah pun sama sahaja. Untuk menarik minat pelancong, kawasan membeli-belah di Wakayama perlu terletak berhampiran dengan laut kerana laut cantik ialah tarikan di Wakayama.